

Headline	Kadar faedah pinjaman rendah tingkat kuasa beli
MediaTitle	Berita Harian
Date	03 Feb 2018
Section	Bisnes
Page No	23
Language	Malay
Journalist	Nurhayati Abllah
Frequency	Daily



# Kadar faedah pinjaman rendah tingkat kuasa beli

→ Syor kerajaan bukti komitmen terhadap agenda perumahan nasional kepada rakyat

Oleh Nurhayati Abllah  
nurhayatiabllah@bh.com.my

**H**arga rumah mahal dan tidak mampu untuk beli. Ia antara frasa yang sering diperkatakan ramai di negara ini. Peka dengan permasalahan itu, kerajaan sentiasa mencari penyelesaian bagi mengurangkan beban rakyat.

Antara usaha terbaru yang dianggap memberi 'harapan' bagi memiliki hartanah sendiri ialah cadangan kerajaan untuk menetapkan kadar faedah pinjaman perumahan lebih rendah.

Meskipun ia dianggap masih pada peringkat cadangan, usaha yang dijalankan itu dilihat dapat meningkatkan kuasa beli rumah dalam kalangan rakyat di negara ini, terutama golongan berpendapatan rendah (B40) dan pertengahan (M40).

Peratuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) yakin usaha berkenaan turut menjadi pemangkin ke arah status ekonomi lebih baik

untuk rakyat berikutan nilai hartanah akan terus meningkat pada setiap tahun.

Presidennya, Datuk Seri FD Iskandar, berkata cadangan itu membuktikan komitmen kerajaan terhadap agenda perumahan nasional kepada rakyat, malah sebelum ini REHDA beberapa kali turut menyuarakan pandangan sama.

"Langkah ini juga dapat meningkatkan kuasa membeli serta kadar pemilikan rumah dalam kalangan rakyat, yang mana mereka mengalami kesukaran untuk memiliki rumah idaman sendiri," katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

#### Cabaran utama pembeli

Ketika ini, kadar faedah pinjaman perumahan di Malaysia adalah 4.65 peratus, manakala negara lain seperti Singapura adalah 1.45 peratus dan Australia 5.33 peratus.

FD Iskandar berkata, meskipun wujud kesan positif daripada penurunan kadar faedah pinja-

man itu, pihaknya menegaskan kemudahan pembiayaan akhir masih menjadi komponen penting dan ia mestilah selari dengan cadangan yang dikemukakan.

"Cabaran utama yang pembeli terpaksa tempuhi, terutama generasi muda yang kali pertama ingin membeli rumah adalah untuk mendapatkan pinjaman.

"Sekiranya isu ini dapat ditangani dengan baik, di samping kelebihan cadangan kadar faedah yang rendah, lebih ramai dapat merealisasikan impian memiliki rumah sendiri," katanya.

Cadangan itu, pada masa sama turut mendapat maklum balas positif daripada pemaju hartanah.

#### Pemaju sambut baik cadangan

LBS Bina Group Bhd umpamanya mengalu-alukan cadangan berkenaan dan menyifatkan ia membawa kebaikan kepada pemaju hartanah.

Pengarah Urusan Kumpulan LBS Bina Group, Tan Sri Lim Hock San, berkata cadangan itu adalah usaha kerajaan untuk mengga-

lakkan pemilihan rumah, pada masa sama, tidak mahu pembeli dibebankan dengan pembayaran pembiayaan rumah yang tinggi.

Pada masa sama, pengurangan kadar faedah pinjaman perumahan juga diharapkan dapat merancakkan lagi pertumbuhan pasaran hartanah di negara ini.

Pada 25 Januari lalu, kerajaan mengumumkan cadangan untuk menetapkan kadar faedah pinjaman perumahan yang lebih rendah bagi mengurangkan beban kewangan rakyat.

Pengumuman itu dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Mengenai Isu Perumahan di Perdana Putra.

Kertas cadangan mengenai akan dikemukakan kepada Kabinet dalam masa terdekat dan ketika ini, cadangan berkenaan sedang diusulkan kepada bank komersial untuk pertimbangan, sebelum arahan lanjut dikeluarkan Bank Negara Malaysia (BNM).



Cabaran utama yang pembeli terpaksa tempuhi, terutama generasi muda yang kali pertama ingin membeli rumah adalah untuk mendapatkan pinjaman"

FD Iskandar,  
Presiden REHDA



[ FOTO HIASAN ]